

07/01/2003

SPV kurangkan kerugian

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah kerajaan mengkaji pelbagai mekanisme bagi menyelamatkan amanah saham negeri, termasuk penubuhan jentera tujuan khusus (SPV) bertujuan meminimumkan kerugian pelabur, kebanyakannya rakyat berpendapatan rendah.

Perdana Menteri, yang mengesahkan laporan muka depan Berita Harian semalam bahawa kerajaan akan bertindak untuk menyelesaikan kemelut melanda hampir semua amanah saham negeri, berkata kerajaan boleh membuat sesuatu untuk menangani masalah itu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, Kerajaan Pusat tidak akan mengambil langkah yang dilihat sebagai tindakan 'menyelamat' (bail-out) amanah saham negeri kerana ia membabitkan dana yang agak besar.

"Kita sedang urus bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini. Kita berpendapat sebenarnya amanah saham peringkat negeri ini tidak berdaya maju dan kita akan ambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini.

"Pada masa sama, apabila sesuatu kerugian berlaku, pihak yang melabur mesti bersedia untuk menerima kerugian. Ada sesetengah orang berpendapat bahawa kalau pun rugi, mereka mesti untung. Jadi tak munasabah," katanya selepas majlis perdana keempat Perkhidmatan Awam dan perasmian Pusat Teknologi Pengurusan Institut Tadbiran Awam (Imatec) di sini, semalam.

Berita Harian semalam melaporkan, kerajaan akan menubuhkan SPV bagi menyelamatkan beberapa amanah saham negeri dengan kira-kira 531,480 pelabur, yang prestasinya kini terjejas teruk akibat krisis kewangan 1997/98.

Laporan memetik sumber itu menyatakan, penubuhan SPV bagi tujuan itu adalah kaedah terbaik bagi mengatasi kemelut dihadapi kebanyakan dana amanah negeri yang pemegang sahamnya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Ia menyebut bahawa SPV itu dijangka mengambil alih semua aset dan tanggungan beberapa amanah saham negeri untuk dipulihkan menerusi langkah korporat. Dana berjumlah sekurang-kurangnya RM2 bilion diperlukan bagi mencapai tujuan itu.

Antara amanah saham negeri yang prestasinya kini kurang memberangsangkan ialah Amanah Saham Selangor Bhd (Asas), Amanah Saham Sabah Bhd, Amanah Saham Johor (ASJ), Dana Johor, Amanah Saham Kedah Bhd dan Amanah Saham Darul Iman (Asdi).

Ditanya apakah penubuhan SPV dilakukan dan mekanisme bagaimana digunakan kerajaan untuk memulihkan amanah saham negeri, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata pihaknya sedang mengkaji semua itu dengan matlamat untuk meminimumkan kerugian pelabur.

Katanya, kerajaan boleh membuat sesuatu untuk menangani kemelut itu tapi bukan cara menyelamat.

"Tidak, tidak, tidak akan ada bail-out. Kita boleh atur sesuatu. Kalau kita bail-out susahlah sebab ini besar (saiz dana)...ia sangat besar. Mereka (pengendali saham amanah) memulakannya ketika pasaran baik dan bila pasaran baik, orang selalu ingat ia tidak akan jatuh.

"Secara semula jadi, pasaran memang turun naik dan kita tidak dapat ramal beberapa keupayaan tertentu, seperti juga orang tidak terfikir mengenai (akan berlaku) krisis kewangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, sejak krisis kewangan 1997/98, indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) turun mendadak daripada 1,000 mata kepada serendah 262 mata. Ini bermakna kerugian di pasaran modal dan semua syarikat terjejas.

"Namun ada orang berpendapat walaupun syarikat terjejas dan rugi, mereka mesti mendapat wang kerana mereka melabur dan ini tidak masuk akal," katanya.

Ditanya sama ada RM2 bilion diperlukan untuk memulihkan amanah saham negeri, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada jumlah itu perlu disuntik tetapi beliau mengingatkan pelabur supaya menerima kerugian mereka.

Katanya, kerajaan juga akan mengkaji sama ada untuk memulihkan sebahagian saham amanah negeri atau jika boleh, secara keseluruhan.

Mengenai langkah menggabungkan amanah saham negeri sebagai salah satu jalan untuk menangani masalah itu, Perdana Menteri berkata tindakan seumpama itu perlu diteliti terlebih dulu kerana nilai aset bersih (NAV) saham terbabit begitu rendah.

"Kalau nilai sudah jatuh daripada RM1 kepada 20 sen, kita nak harap, nak dapat RM1 juga, tak bolehlah walaupun kita gabung atau buat apa pun. Kerugian mesti ditanggung dan pelabur mesti ingat, pada masa lalu mereka menerima dividen dan jika dividen itu ditambah, kerugian (sebenar) adalah minimum.

"Sebelum jadi yang ini (krisis ekonomi), dia (pelabur) mungkin sudah terima dividen sebanyak...katakan 80 sen bagi setiap RM1 (harga tawaran) dan kini mereka akan menjualnya pada harga 20 sen...ia cuma satu lagi kerugian, tak ada untung, itu saja," katanya.

Ditanya kemungkinan prestasi lembap amanah saham negeri kerana kurangnya pengalaman dan kepakaran pengurusan dana itu, beliau berkata ia sebenarnya berlaku disebabkan krisis ekonomi bukan semata-mata kerana pengurusan tidak berpengalaman.

Katanya, ia bukan kesalahan mereka kerana sebelum krisis, perniagaan adalah baik tetapi apabila orang cuma menilai semula mata wang ringgit, maka pelabur yang sudah melabur mulai bimbang.

"Pelabur asing yang melabur bimbang bahawa mata wang kita akan dinilai semula dan dengan itu, apabila ditukar kepada mata wang mereka, ia menjadi kurang. Mereka dengan segera menarik diri kerana takut turun lebih jauh nilai ringgit. Apabila mereka keluar, pasaran jatuh.

"Anda tengok ia bukan disebabkan kesalahan kita, malah bukan juga disebabkan kesilapan perniagaan. Tetapi apabila nilai ringgit jatuh, ia bukan saja kerugian kepada ringgit tetapi hilang keyakinan di pasaran, menyebabkan pelabur asing keluar dan pasaran jatuh," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan belum dapat memastikan sama ada langkah menggabungkan saham amanah negeri seperti Amanah Saham Kedah dengan Amanah Saham Johor adalah cara terbaik.

"Saya tak tahulah sama ada itu caranya ataupun tidak, tapi Johor pun rugi banyak dan begitu juga Kedah, katanya.